

<b>Headline</b>	<b>MKN bertindak agresif bendung sebarang bentuk pencerobohan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>26 May 2016</b>	<b>Readership</b>	<b>563,000</b>
<b>Circulation</b>	<b>171,663</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>240 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 14,361</b>		



# MKN bertindak agresif bendung sebarang bentuk pencerobohan

**PUTRAJAYA 25 Mei** - Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertindak secara agresif bagi membendung sebarang bentuk pencerobohan dan kegiatan penerokaan haram untuk aktiviti pertanian di tanah tinggi Cameron Highlands.

Setiausaha, Datuk Seri Alias Ahmad berkata, Op Gading fasa dua yang digerakkan oleh MKN merupakan kesinambungan kepada usaha tegas kerajaan untuk membanteras kegiatan yang merosakkan alam semula jadi di pusat peranginan tersebut.

Tegasnya, MKN secara agresif menggerakkan agensi-agensi berkaitan seperti polis, ATM, Pejabat Tanah dan Dera, Jabatan Hutan, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Imigresen, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Ukur dan Pemetaan serta Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan terhadap pihak tidak bertanggungjawab.

"Kelestarian alam perlu dipertahankan, tanah-tanah yang sudah diteroka boleh mengakibatkan kejadian banjir lumpur dan hakisan, golongan yang tamak tidak pernah memikirkan kesan di sebalik perbuatan tidak bertanggungjawab mereka.

"Proses pemulihan semula

hutan-hutan di Cameron Highlands mengambil masa yang sangat panjang, kita tidak boleh biarkan perkara ini terus berlaku, mereka melakukan kerosakan tetapi kerajaan yang terpaksa tanggung kos kerugian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Op Gading fasa dua yang dilancarkan 2 Mei lalu mengesan sebanyak lapan kawasan di Cameron Highlands yang telah dibersihkan pada Op Gading fasa pertama lalu telah diceroboh semula melibatkan empat di Ringlet, dua di Sungai Mansion dan masing-masing satu di Kampung Raja dan Lembah Bertam.

Mengulas lanjut, beliau menolak dakwaan kelemahan di peringkat pemantauan dan rondaan pihak berkuasa sehingga menyebabkan berlakunya pencerobohan semula oleh pendatang asing tanpa izin (PATI).

Jelasnya, menerusi Op Gading fasa satu hampir setahun lalu, hampir 83 peratus daripada 5,300 ekar tanah yang diteroka dapat dibersihkan semula dan dengan ketinggian kawasan melebihi 1,300 meter dari aras laut, agak sukar untuk pihak berkuasa membuat

pemantauan berterusan setiap masa..

Ditanya mengenai kelewatan pendakwaan ke atas peneroka haram, beliau berkata, bukan mudah untuk mendapatkan bukti kerana pihak polis tidak boleh melakukan pertuduhan tanpa bukti memandangkan tanah tersebut dimiliki oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Hutan, kerajaan negeri Pahang atau rezab sungai JPS.

"Secara umumnya amat sukar untuk mendapatkan bukti tetapi itulah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak berkuasa, kita akan tetap berusaha ke arah itu," katanya.

Dalam pada itu, Alias mendakwakan, permintaan tinggi dari negara jiran Singapura untuk mendapatkan sayur-sayuran segar Cameron Highlands dikecualikan menjadi punca utama tanah-tanah di pusat peranginan itu diceroboh semula.

Menurutnya, walaupun menyedari tanah-tanah di Cameron Highlands dikawal oleh pihak berkuasa polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), peneroka haram yang tamak tetap berani melakukan aktiviti secara sembunyi-sembunyi dan membelakangkan undang-undang.



**ALIAS AHMAD**